

**PENDEKATAN SEKSAAN BAGI TUJUAN SIASATAN: ANALISIS DARIPADA
PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM**

***PUNISHMENT AS AN INVESTIGATIVE APPROACH: AN ANALYSIS FROM THE
PERSPECTIVE OF ISLAMIC CRIMINAL LAW***

ⁱ Muhammad Adam Baharin, ⁱ Alif Aiman Kamaruzzaman & ⁱ Hasnizam Hashim*, ⁱ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ⁱ Ahmad Syukran Baharuddin & ⁱ Baidar Mohammed Mohammed Hasan

ⁱ Fakulti Syariah Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar baru Nilai 71800, Nilai Negeri Sembilan

*(Corresponding author) e-mail: hasnizam@usim.edu.my

ABSTRACT

This study examines the use of torture in the investigative process to obtain confessions or information from criminal suspects from the perspective of Islamic Criminal Law, highlighting its significance in light of the tendency within some modern investigative systems to employ physical or psychological pressure to expedite information gathering. The study analyzes the justifications, impacts, and limitations of such practices based on Shariah principles that emphasize justice, mercy and the preservation of human dignity, through a detailed examination of textual evidence, the views of Muslim jurists and a comparison of opinions among the various schools of Islamic law. It underscores that any form of torture as an investigative method is rejected in Islam because it contradicts the objectives of Shariah (*al-Maqasid al-Shariah*) and the principle of justice, affirms that confessions obtained through coercion are invalid and stresses that investigative methods must be grounded in compassion, ethical conduct, and respect for humanity. The study further proposes that Shariah-based investigative approaches should be prioritized through professional training, judicial oversight and strict legislation to ensure that the fundamental rights of the accused are protected throughout the investigation process.

Keywords: *Torture Approach, Investigation, Perspective of Islamic Criminal Law, Maqasid al-Shariah.*

ABSTRAK

Kajian ini meneliti pendekatan penggunaan seksaan dalam proses siasatan bagi tujuan mendapatkan pengakuan atau maklumat daripada suspek jenayah menurut perspektif Undang-undang Jenayah Islam. Isu ini penting kerana terdapat kecenderungan dalam sesetengah sistem siasatan moden yang menggunakan tekanan fizikal atau mental untuk mempercepatkan proses mendapatkan maklumat. Kajian ini memberi tumpuan kepada analisis pendekatan tersebut dengan menilai justifikasi, kesan, serta batasannya berdasarkan prinsip-prinsip syariah yang menekankan keadilan, rahmah, dan pemeliharaan maruah manusia. Kajian ini dijalankan dengan meneliti dalil dan pandangan fuqaha secara terperinci, membandingkan pendapat antara mazhab, serta menilai pendekatan tersebut berdasarkan prinsip dan nilai Islam. Kajian ini penting bagi mengetengahkan bahawa sebarang bentuk seksaan sebagai pendekatan siasatan ditolak dalam Islam kerana bertentangan dengan *maqasid al-shariah* dan prinsip keadilan. Islam menegaskan bahawa pengakuan yang diperoleh melalui paksaan adalah tidak sah, dan kaedah penyiasatan perlu berteraskan ihsan serta etika kemanusiaan. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan siasatan berasaskan prinsip syariah diutamakan melalui latihan profesional, pengawasan kehakiman, dan perundangan yang tegas bagi memastikan hak asasi tertuduh terpelihara semasa proses siasatan berlangsung.

Kata Kunci: Pendekatan Seksaan, Siasatan, Perspektif Undang-Undang Jenayah Islam, Maqasid Al-Syariah.

Pengenalan

Keadilan merupakan prinsip asas dalam Syariah Islam dan menjadi teras kepada pemeliharaan kemuliaan manusia. Syariah menegaskan larangan terhadap segala bentuk kezaliman tanpa mengira bentuk, skala atau cara pelaksanaannya, sama ada secara terang-terangan mahupun tersembunyi (al-Bukhari, no. 2447). Prinsip ini menjadi asas penting dalam perbincangan berkaitan pentadbiran keadilan dan pelaksanaan undang-undang jenayah, khususnya dalam konteks penyiasatan jenayah.

Dalam sistem pentadbiran jenayah, penyiasatan merupakan tahap yang amat kritikal kerana ia menentukan hala tuju sesuatu kes dan menjadi asas kepada proses perbicaraan. Para fuqaha kontemporari mentakrifkan penyiasatan sebagai satu rangkaian prosedur yang dilaksanakan untuk meneliti fakta jenayah, mengenal pasti pelaku, serta menyediakan bukti bagi perbicaraan seterusnya (Ibn Taimiyah, 1425H). Oleh itu, penyiasatan berfungsi sebagai pintu masuk utama kepada proses pencarian kebenaran dan penegakan keadilan.

Walau bagaimanapun, tahap yang penting ini berpotensi terdedah kepada penyalahgunaan kuasa. Dalam beberapa keadaan, wujud dakwaan bahawa paksaan dalam bentuk tekanan fizikal dan mental digunakan semasa penyiasatan, suatu amalan yang jelas bertentangan dengan prinsip keadilan dalam Islam. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kewibawaan institusi keadilan, malah membuka ruang kepada pelanggaran hak asasi tahanan.

Di Malaysia, beberapa kes berprofil tinggi telah mencetuskan perdebatan awam yang serius berkaitan isu penyeksaan semasa siasatan. Antaranya ialah kes kematian Kugan Ananthan pada tahun 2009, apabila laporan forensik mendapati lebih 45 kecederaan akibat trauma tumpul (Hazel Galang, 2014). Kes S. Balamurugan pada tahun 2017 mendedahkan kelemahan ketara dalam pengendalian tahanan apabila beliau dihantar semula ke lokap dalam keadaan cedera sehingga membawa kepada kematiannya (Amnesty International, 2017). Selain itu, kes Mohd Fadzrin Zaidi (2019) turut menarik perhatian apabila Mahkamah Tinggi pada tahun 2024 memerintahkan kerajaan dan pihak polis membayar pampasan atas kegagalan memastikan keselamatan tahanan (The Star Online, 2024).

Kes-kes ini menunjukkan bahawa isu penyeksaan bukanlah kejadian terpencil, sebaliknya merupakan realiti yang mencabar dan berpotensi menjejaskan integriti sistem penyiasatan negara. Daripada sudut perundangan Islam, proses penyiasatan menuntut kewujudan mekanisme yang adil serta pematuhan ketat terhadap prinsip undang-undang yang menolak segala bentuk kezaliman. Bertitik tolak daripada keperluan ini, kajian ini bertujuan meneliti isu penyeksaan bagi tujuan siasatan dari perspektif Undang-undang Jenayah Islam dengan memberi tumpuan kepada dalil syarak, pandangan para ulama, serta prinsip *Maqasid al-Syariah* yang menekankan keadilan, rahmah dan pemeliharaan maruah manusia.

Islam tidak seharusnya difahami secara sempit sebagai agama dalam erti kepercayaan dan ibadat semata-mata, sebagaimana yang sering digambarkan dalam wacana Barat, iaitu sebagai kepercayaan terhadap suatu kuasa ghaib yang mengawal alam (*Oxford Dictionary*, 2017). Sebaliknya, Islam merupakan suatu sistem kehidupan yang menyeluruh, merangkumi aspek akidah, ibadah, akhlak dan perundangan, termasuk prinsip-prinsip keadilan dalam pentadbiran jenayah.

2.1 Definisi

Penyeksaan merupakan konsep yang sering dikaitkan dengan tindakan melampau terhadap individu, sama ada dalam konteks siasatan mahupun hukuman. Dari sudut bahasa, perkataan “penyeksaan” merujuk kepada perbuatan yang menyebabkan kesakitan atau penderitaan terhadap seseorang (Ahmad Ibn Faris, 1389 h). Perbuatan seksaan menggambarkan suatu bentuk perlakuan yang menimpakan derita fizikal atau mental ke atas individu tanpa mengira justifikasi (Radzivil, 2020).

Instrumen undang-undang antarabangsa menetapkan takrifan “penyeksaan” sebagai apa-apa perbuatan yang melibatkan pengenaan kesakitan atau penderitaan yang amat berat, sama ada bersifat fizikal mahupun mental, yang dilakukan dengan sengaja oleh seorang pegawai awam atau atas hasutannya terhadap seseorang individu. Perbuatan tersebut bertujuan, antara lainnya adalah untuk mendapatkan maklumat atau pengakuan daripadanya atau daripada pihak ketiga, menghukumnya atas suatu perbuatan yang telah dilakukannya atau yang disyaki telah dilakukannya, atau menimbulkan ketakutan terhadap dirinya atau orang lain. (Radzivil, 2020)

Dalam konteks perundangan Islam pula, penyeksaan dianggap sebagai suatu bentuk kezaliman yang jelas bertentangan dengan prinsip rahmah, keadilan dan pemeliharaan maruah manusia. Syariah menekankan bahawa seseorang individu tidak boleh dicerderakan atau ditekan sebagai cara untuk mendapatkan maklumat, kerana hal ini melanggar *Maqasid al-Syariah* yang menjaga nyawa, tubuh badan dan maruah manusia.

Perbuatan seperti membunuh, mencederakan, memukul dan merosakkan harta tidak diharuskan oleh darurat dan tidak menjadi halal walaupun dilakukan di bawah paksaan. Oleh itu, penggunaan seksaan dalam proses penyiasatan tidak boleh dijustifikasikan secara syarak, malah dikira sebagai perbuatan haram dan kezaliman, serta pelakunya tetap menanggung tanggungjawab seperti qisas atau ganti rugi (Abu Muhammad, 456H). Paksaan dalam fiqh merangkumi ancaman bunuh, pukul, penjara atau kerosakan harta, dan ancaman sebegini menjadikan sebarang pengakuan atau tindakan hasil daripadanya tidak sah sebagai hujah syarie. Prinsip ini selari dengan hadis Nabi SAW yang menegaskan bahawa seorang Muslim tidak boleh menzalimi atau menyerahkan orang lain kepada kezaliman, sekali gus menolak legitimasi seksaan bagi tujuan penyiasatan. (Abu Muhammad, 456H).

3.0 Perspektif Undang-undang Jenayah Islam terhadap seksaan

Dalam mana-mana sistem undang-undang, apa jua bentuk hukuman pasti melibatkan sedikit unsur kesakitan atau penghinaan. Namun, elemen ini tidak semestinya dianggap “tidak berperikemanusiaan”. Apa yang sebenarnya menentukan sesuatu itu berperikemanusiaan ialah bagaimana kita memahami apa makna ‘menjadi manusia’. Dalam ajaran Islam, manusia dilihat sebagai makhluk yang terdiri daripada dua unsur iaitu roh dan jasad dan hakikat sebenar tentang dirinya hanya diketahui sepenuhnya oleh Allah (Al-Attas, 1993). Oleh itu, ukuran perikemanusiaan menurut Islam tidak ditentukan oleh kehendak manusia semata-mata, tetapi oleh garis panduan yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Konsep *siyasah*, yang pada awalnya bermaksud pentadbiran, berkembang dalam abad ke-10 hingga 13 menjadi istilah yang turut merangkumi hukuman tegas, termasuk hukuman mati. Para pemikir politik pada waktu itu melihat hukuman keras sebagai keperluan asas untuk mencegah kerosakan masyarakat, terutama dalam konteks kemunculan kerajaan tentera seperti Seljuq dan Mamluk. Karya-karya nasihat tersebut menegaskan bahawa jika tiada hukuman tegas, masyarakat akan huru-hara, dan pemerintah mesti menggunakan kekuatan serta ketegasan untuk mengekalkan keamanan. (C. Lange, 2020)

3.1 Al-Quran

Al-Quran menegaskan dalam Surah al-Isra' tentang kepentingan melindungi nyawa dan melarang kezaliman, yang secara tidak langsung menolak sebarang bentuk penyeksaan demi mendapatkan pengakuan. Dalam konteks ini, prinsip *La Ādarar Wa La Ārār* ("tidak boleh mendatangkan mudarat kepada diri sendiri atau orang lain") menjadi rujukan penting. Tekanan fizikal atau psikologi yang keterlaluan boleh merosakkan individu dan menjadikan pengakuan yang diperoleh tidak sah.

Islam menegaskan bahawa manusia diciptakan dengan martabat dan kemuliaan yang sangat tinggi. Dalam Surah at-Tin ayat 4, Allah SWT berfirman:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya."

Kemuliaan ini ditegaskan lagi dalam Surah al-Isrā' ayat 70:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; Kami angkut mereka di darat dan di laut; Kami kurniakan kepada mereka rezeki daripada perkara-perkara yang baik, dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang nyata berbanding banyak makhluk lain yang Kami ciptakan."

Berdasarkan ayat di atas, kedudukan manusia adalah begitu mulia dan Islam dengan jelas menolak sebarang bentuk penyeksaan.

Walaupun hukum asal menetapkan bahawa penyeksaan adalah dilarang, terdapat keadaan tertentu yang menjadi pengecualian. Terdapat keadaan tertentu Allah SWT sendiri menghinakan seseorang akibat kedurhakaan mereka, lalu membiarkan kesakitan menimpa mereka sebagai balasan. Dalam Surah at-Tin ayat 4, Allah menyatakan bahawa manusia diciptakan dalam bentuk yang sebaik-baiknya. Namun, ayat berikutnya (ayat 5) mengingatkan bahawa manusia boleh dijatuhkan ke kedudukan yang paling hina jika mereka menyimpang daripada ketaatan.

Banyak ayat lain turut memberi amaran keras terhadap mereka yang menentang ketetapan-Nya. Antaranya Surah An-Nur ayat 63, yang memberi peringatan supaya orang beriman tidak menentang arahan Rasul, kerana akibatnya mereka boleh ditimpa ujian atau azab yang menyakitkan.

Apabila dilihat keseluruhan dalil daripada al-Qur'an dan Sunnah, jelas bahawa hukum mengenai "penyeksaan" tidak bersifat satu dimensi. Ia terbahagi kepada yang dilarang dan yang dibenarkan. Secara asasnya, semua bentuk penyeksaan adalah haram. Namun, terdapat keadaan tertentu kesakitan tidak dapat dielakkan, seperti pelaksanaan hukuman syarak yang telah ditetapkan iaitu *qisas*, *hudud*, dan *ta'zir*. Dalam konteks ini, kesakitan bukan bertujuan menyeksa, tetapi sebahagian daripada proses keadilan.

3.2 Sunnah

حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ، حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ، عَنْ هِشَامٍ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ مَرَّ هِشَامُ بْنُ حَكِيمٍ بِنِ جَزَامٍ عَلَى أَنْاسٍ مِنَ الْأَنْبَاطِ بِالشَّامِ قَدْ أُقِيمُوا فِي الشَّمْسِ فَقَالَ مَا شَأْنُهُمْ قَالُوا حُبِسُوا فِي الْجَزْيَةِ . فَقَالَ هِشَامُ أَشْهَدُ لَسَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ " إِنَّ اللَّهَ يُعَذِّبُ الَّذِينَ يُعَذِّبُونَ النَّاسَ فِي الدُّنْيَا

Hadis ini menceritakan bahawa Hishām bin Ḥakīm r.a. pernah melihat sekumpulan orang al-Anbāt di wilayah Syam dikenakan tahanan dengan cara dibiarkan di bawah panas matahari kerana masalah pembayaran jizyah. Beliau membantah perlakuan tersebut dan menegaskan bahawa beliau telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: *"Sesungguhnya Allah akan mengazab mereka yang menyiksa manusia di dunia."* Hal ini menunjukkan bahawa tindakan menyiksa manusia merupakan satu perbuatan zalim yang ditegah dalam Islam, walaupun dilakukan atas alasan penguatkuasaan atau hukuman.

Dalam konteks perbahasan mengenai seksaan bagi tujuan siasatan, hadis ini memperlihatkan pendirian Syariah yang jelas menolak penggunaan penderaan sebagai kaedah untuk mendapatkan maklumat atau pengakuan. Larangan tersebut berpunca daripada keperluan menjaga keadilan serta memelihara maruah manusia, di samping mencegah penyalahgunaan kuasa oleh pihak yang menjalankan siasatan.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا; أَنَّ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ: { "لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ، لَادَّعَى نَاسٌ دِمَاءَ رِجَالٍ، وَأَمْوَالَهُمْ، وَلَكِنَّ الْيَمِينَ عَلَى الْمُدَّعَى عَلَيْهِ" } مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَلِلْبَيْهَقِيِّ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ: { "الْيَمِينَةُ عَلَى الْمُدَّعِي، وَالْيَمِينُ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ" }

Hadis yang diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās r.a. ini menjelaskan satu prinsip penting dalam mekanisme pembuktian menurut Islam. Rasulullah SAW menerangkan bahawa jika setiap tuntutan diterima hanya berdasarkan dakwaan semata-mata, manusia akan saling menuduh sehingga mengancam keselamatan nyawa dan harta. Oleh itu, Syariah menetapkan bahawa kewajipan mengemukakan bukti terletak pada pihak yang membuat dakwaan, manakala pihak yang menafikan hanya dibebankan dengan sumpah. Prinsip ini turut ditegaskan dalam riwayat al-Bayhaqī dengan lafaz yang jelas bahawa bukti adalah tanggungjawab pendakwa dan sumpah dikenakan ke atas pihak yang menolak dakwaan.

Kaedah ini menunjukkan bahawa pencarian kebenaran tidak dibenarkan dilakukan melalui paksaan atau tekanan terhadap individu yang dituduh, sebaliknya mestilah berasaskan keterangan yang sah dan boleh dipertanggungjawabkan. Sekiranya tekanan atau penderaan digunakan, pengakuan yang terhasil tidak lagi mencerminkan kebenaran sebenar, bahkan berpotensi melahirkan pengakuan palsu serta menafikan hak individu untuk mempertahankan diri melalui kaedah yang diiktiraf oleh Syariah. Justeru, hadis ini menggambarkan bahawa keadilan dalam Islam dibina atas asas bukti dan prosedur yang betul, dan bukan melalui pengakuan yang diperoleh secara paksaan atau tindakan yang bersifat zalim.

3.3 Ijmak

Larangan penyeksaan dalam Islam berasaskan ijmak, dan para fuqaha menilainya sebagai perbuatan zalim serta haram menurut pertimbangan akal (al-Najafi, jld. 41, hlm. 49). Malah, pengharaman penyeksaan terhadap makhluk hidup secara *qiyās awlā* menunjukkan bahawa penyeksaan manusia lebih-lebih lagi diharamkan secara tegas. Oleh itu, perbuatan menyakiti dan menyiksa orang lain dikira sebagai dosa besar dan dikenakan hukuman *ta'zīr*. Banyak hukum dan fatwa juga dibina atas kaedah pengharaman menyakiti orang lain serta larangan menghina seorang mukmin. Keseluruhannya, dalil-dalil ini jelas menunjukkan bahawa penyeksaan adalah haram kerana ia merupakan bentuk penyakitan yang paling berat. (Alizdeh. Y, et al, 2023)

Pengarang *Jawāhir al-Kalām* berulang kali menegaskan bahawa perbuatan mencela, memaki atau sebarang tindakan yang membawa kepada penghinaan terhadap seorang mukmin menjadikan pelakunya fasiq dan menggugurkan sifat keadilan daripadanya. (Alizdeh. Y, et al, 2023) Berdasarkan dalil-dalil syarak, segala bentuk penyakitan, penghinaan, pencabulan kehormatan, kezaliman terhadap seorang mukmin, serta pencerobohan terhadap harta dan maruahnyanya adalah diharamkan. Menghina atau mengejek seorang mukmin juga dihukum haram tanpa sebarang perbezaan pendapat, malah disokong oleh ijmak sama ada secara riwayat mahupun amalan. Selain itu, al-Qur'an dan al-Sunnah secara jelas menegaskan larangan menyakiti orang-orang beriman. (Alizdeh. Y, et al, 2023)

Dalam kitab *al-Nihāyah*, ketika membincangkan faktor-faktor berlakunya kesalahan *qadhif*, dinyatakan bahawa setiap perbuatan yang menyakiti seorang Muslim mewajibkan hukuman *ta'zīr* ke atas pelakunya. Penulis juga menjelaskan bahawa dalam isu melibatkan orang kafir dan ahli zimmah, sesiapa yang mengucapkan kata-kata yang boleh menimbulkan penyakitan terhadap ahli zimmah hendaklah dikenakan *ta'zīr* (Alizdeh. Y, et al, 2023). Selain itu, beliau menyebut bahawa ucapan yang membawa kepada penyakitan orang lain, seperti menggunakan gelaran hina atau merendahkan maruah, boleh membawa kepada hukuman hudud, dan sekiranya ia tergolong dalam kesalahan *ta'zīr*, maka pelakunya tetap wajib dikenakan hukuman *ta'zīr* (Alizdeh. Y, et al, 2023).

Para ulama Islam telah sepakat bahawa menyeksaan atau memaksa seseorang untuk mendapatkan pengakuan adalah haram dan tidak sah menurut Syariah. Prinsip ini penting kerana ia memastikan keadilan ditegakkan dan hak asasi manusia dilindungi sepanjang proses siasatan jenayah.

Dalam sistem pembuktian Islam, beban bukti terletak pada pihak pendakwa, dan tertuduh hanya boleh membela diri melalui sumpah jika menafikan tuduhan. Kaedah fiqh terkenal menyatakan: “Al-bayyinah ‘ala al-mudda’i wa al-yamin ‘ala man ankara” (Al-Kasani, 2002). Ini bermakna kesalahan tidak boleh dipaksa diakui, sebaliknya mesti disokong oleh bukti sahih seperti saksi, dokumen, atau pengakuan sukarela.

Secara keseluruhan, penyeksaan dalam siasatan adalah haram, tidak sah, dan bertentangan dengan keadilan Islam. Beban membuktikan kesalahan tetap berada pada pihak pendakwa, manakala tertuduh tidak boleh dipaksa mengaku sesuatu yang tidak benar. Pendekatan ini bukan sahaja melindungi hak dan maruah individu, tetapi juga menegaskan keadilan serta memelihara nyawa, sejajar dengan tujuan utama Syariah atau maqasid al-syariah (Ibn Hajar al-Asqalani, 1999).

Dalam memahami isu seksaan dan penggunaan kekerasan dalam siasatan menurut Undang-Undang Jenayah Islam, penting juga untuk melihat satu tradisi pemikiran lain selain pandangan fuqaha, iaitu tradisi teori politik Islam (*siyāsah shar‘iyyah*) yang banyak dizahirkan dalam karya *Mirrors for Princes*. Tradisi ini memberikan asas ideologi kepada pemerintah pada Zaman Pertengahan Islam untuk membenarkan hukuman berat, termasuk hukuman mati dan tindakan ganas oleh negara, kadang-kadang melebihi apa yang diharuskan oleh syariah.

Walaupun karya-karya ini menyeru pemerintah supaya bertakwa, ia turut menggambarkan bidang pemerintahan sebagai ranah sekular yang memerlukan pendekatan pragmatik untuk mengekalkan ketertiban. Oleh itu, pertimbangan keadilan dalam tradisi ini bukanlah keadilan syariah yang ketat, tetapi keadilan yang bersifat praktikal demi menjaga kestabilan negara.

4.0 Pandangan Fuqaha Terhadap Perkara yang Melibatkan Seksaan

Perbincangan tentang penyeksaan dalam proses siasatan bukanlah isu baharu dalam tradisi keilmuan Islam. Sejak berabad lamanya, para fuqaha telah menekankan bahawa maruah dan keselamatan tubuh badan manusia adalah hak yang wajib dipelihara, dan tidak boleh diganggu oleh mana-mana pihak, termasuk pemerintah atau penguat kuasa. Justeru, apabila membincangkan sama ada penyeksaan boleh dijadikan kaedah untuk mendapatkan pengakuan, para ulama hampir sebulat suara menegaskan bahawa hal itu bercanggah dengan prinsip keadilan Islam.

Antara tokoh yang paling tegas dalam hal ini ialah Ibn Taymiyyah. Beliau menjelaskan dengan jelas bahawa seseorang tidak boleh sama sekali dipukul, ditekan atau diseksa untuk mengeluarkan pengakuan. Menurutnya, pengakuan yang lahir daripada ketakutan dan penderitaan tidak mempunyai nilai hukum, dan penguasa yang melakukannya sebenarnya telah melakukan kezaliman. Prinsip ini menunjukkan betapa Islam amat menitikberatkan ketelusan dan kesukarelaan dalam proses kehakiman. Beliau juga telah menjelaskan dalam kitabnya majma al-fatawa bahawa Perbuatan menyeksa jiwa atau tubuh semata-mata tanpa sebarang manfaat yang lebih besar tidak pernah disyariatkan dalam Islam. Bahkan Allah memerintahkan kita agar melakukan perkara yang membawa kebaikan, dan melarang kita daripada segala sesuatu yang boleh memudaratkan diri. (Ibn Taimiyyah, 1425 H)

Abu Ishaq al-Marwazi menegaskan bahawa *“tidak dikira paksaan kecuali jika dicapai melalui pukulan (serangan fizikal).”* Maksudnya, dalam pandangan fiqh Islam, paksaan bukan sekadar ancaman atau tekanan mental sahaja, tetapi mesti ada unsur fizikal yang nyata yang boleh menimbulkan ketakutan atau kecederaan.

Penganiayaan atau seksaan merujuk kepada perbuatan yang menyebabkan kecederaan fizikal terhadap seseorang tanpa mengakibatkan kematian (Alifia Nur Basanti et al., 2023). Menurut Abdul Qodir Audah, dalam perbincangan jinayah yang berkaitan dengan penganiayaan, ia ditakrifkan sebagai suatu bentuk serangan yang bersifat tidak mematikan, seperti perbuatan mencederakan dan memukul (Alifia Nur Basanti et al., 2023).

Perbincangan fuqaha berkaitan isu seksaan ini sangat relevan apabila dikaitkan dengan isu seksaan dalam proses penyiasatan oleh pegawai penyiasat bagi mendapatkan maklumat. Dalam Islam, seksaan adalah apa sahaja bentuk penderaan atau tekanan yang dilakukan untuk memaksa seseorang mengaku kesalahan atau bertindak menyalahi kehendak hati mereka. Berdasarkan pandangan al-Marwazi, jika seseorang hanya diugut atau ditekan secara psikologi tanpa disakiti secara fizikal, ia mungkin tidak dikira sebagai paksaan secara teknikal syarak, tetapi tetap salah kerana ia menjejaskan kehormatan dan hak individu.

5.0 Analisis Kes Berkaitan Seksaan dalam Proses Siasatan dalam Perundangan Di Malaysia

1. Kes Kugan Ananthan v Ketua Polis Subang Jaya & Ors (2009)

Kes Kugan Ananthan pada tahun 2009 menjadi titik hitam yang membuka mata masyarakat Malaysia terhadap isu penderaan dalam tahanan. Kugan, seorang anak muda berusia 22 tahun, ditahan di Balai Polis Taipan, Subang Jaya atas syak terlibat dalam kecurian kereta. Apa yang sepatutnya menjadi proses siasatan biasa bertukar menjadi tragedi apabila, selepas hanya lima hari, Kugan ditemui meninggal dunia.

Laporan bedah siasat pertama menyebut punca kematian sebagai edema pulmonari, seolah-olah beliau meninggal secara semula jadi. Namun keluarga Kugan berkeras bahawa keadaan tubuhnya jauh berbeza daripada laporan itu. Akhirnya, satu bedah siasat kedua dijalankan, dan hasilnya mengerikan. Tubuh Kugan menanggung lebih daripada 45 kecederaan serius, dengan trauma tumpul di hampir seluruh badan. Cedera parah di kaki, belakang, dan beberapa bahagian lain menunjukkan beliau dipukul dan didera berulang kali. Punca kematian disahkan sebagai “rhabdomyolysis”, keadaan kerosakan otot teruk akibat hentakan berterusan yang membawa kepada kegagalan organ.

Kes Kugan mencetuskan kemarahan masyarakat dan perhatian media antarabangsa. Amnesty International dan Human Rights Watch menuntut siasatan bebas dijalankan. Kes ini akhirnya menjadi simbol perjuangan menentang penyeksaan dalam tahanan, dan nama Kugan terus dikenang sebagai lambang ketidakadilan di belakang pintu lokap.

2. Kes S. Balamurugan (2017)

Kes S. Balamurugan pula menggambarkan betapa rapuhnya kedudukan seorang tahanan ketika berada sepenuhnya di bawah kuasa pihak berkuasa. Pada awal Februari 2017, Balamurugan ditahan atas tuduhan pecah rumah. Keesokan harinya, beliau dibawa ke Mahkamah Majistret Klang untuk permohonan reman. Namun, keadaan fizikalnya amat menyedihkan.

Saksi dan peguamnya melaporkan bahawa Balamurugan kelihatan lemah, terhuyung-hayang, mengalami pendarahan dari mulut dan hidung, serta muntah darah. Melihat situasi kritikal ini, Majistret menolak permohonan reman dan mengarahkan pihak polis menghantarnya segera ke hospital. Namun, arahan mahkamah tidak diikuti. Balamurugan dibawa kembali ke lokap IPD Klang Utara, di mana beliau dipercayai dipukul dan dibiarkan tanpa rawatan sewajarnya.

Beberapa jam kemudian, beliau ditemui tidak sedarkan diri dan meninggal dunia. Bedah siasat kedua mendedahkan kecederaan akibat trauma tumpul, walaupun laporan rasmi menyebut masalah jantung sebagai punca kematian. SUHAKAM menegaskan bahawa pihak polis gagal menjaga keselamatan tahanan dan melanggar garis panduan lokap. Mahkamah kemudian memutuskan bahawa kerajaan dan polis bertanggungjawab atas kecuaiannya, penahanan tidak sah, dan serangan fizikal terhadap Balamurugan. Kes ini menjadi amaran bahawa kegagalan mematuhi arahan mahkamah dan tidak memberikan rawatan boleh meragut nyawa secara senyap.

3. Fadhelah Othman v Kerajaan Malaysia & Ors (2019)

Kes Mohd Fadzrin Zaidi menunjukkan bahawa kecuaiannya yang nampak kecil pun boleh membawa kepada kehilangan nyawa dalam tahanan. Pada 2019, Fadzrin, lelaki berusia 29 tahun, ditahan di Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Prai Utara, Pulau Pinang. Beliau meninggal dunia di lokap pada 20 November tahun yang sama.

Kematian Fadzrin mendapat perhatian ramai kerana keluarganya menuntut penjelasan. Pada 2022, ibunya memfailkan saman terhadap kerajaan dan PDRM atas dakwaan kecuaiannya. Mahkamah mendapati bahawa terdapat kegagalan sistemik dalam pemantauan lokap. CCTV yang sepatutnya memantau tahanan tidak digunakan dengan konsisten, dan pegawai bertugas gagal menjalankan pemeriksaan berkala. Kegagalan ini dianggap sebagai kecuaiannya serius yang membawa kepada kematian Fadzrin.

Pada 20 Mei 2024, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang memutuskan bahawa kerajaan dan PDRM bertanggungjawab. Pampasan sebanyak RM197,600 diberikan kepada keluarga Fadzrin bukan untuk menggantikan nyawa, tetapi sebagai pengiktirafan bahawa keselamatan tahanan adalah tanggungjawab undang-undang. Kes ini menekankan bahawa walaupun tiada kekerasan fizikal, kecuaiannya prosedur tetap boleh meragut nyawa, dan sistem pengurusan tahanan mesti dijalankan dengan integriti dan disiplin.

4. *PP v Zulfadli Zainal Abidin & Ors* (2017)

Kes kematian Zulfarhan Osman Zulkarnain pada tahun 2017 merupakan salah satu kes penderaan pelajar yang paling mendapat perhatian di Malaysia. Zulfarhan, seorang pelajar kadet Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), meninggal dunia akibat kecederaan serius yang dialaminya selepas diseksa oleh beberapa rakan pelajar. Insiden ini menimbulkan persoalan berkaitan keselamatan pelajar, etika kepimpinan, serta keberkesanan sistem undang-undang dalam menangani penderaan di institusi pengajian tinggi.

Pada 21 hingga 22 Mei 2017, Zulfarhan didakwa terlibat dalam kecurian komputer riba oleh beberapa pelajar lain di asrama UPNM. Tuduhan tersebut diikuti dengan siksaan fizikal dan psikologi yang melibatkan penggunaan pukulan serta seterika wap. Proses penyeksaan berulang kali menyebabkan kecederaan serius pada beberapa bahagian badan Zulfarhan. Akibat kecederaan tersebut, beliau dimasukkan ke Hospital Serdang pada 1 Jun 2017 dan disahkan meninggal dunia.

Susulan kejadian itu, polis menahan sejumlah pelajar untuk siasatan. Enam pelajar utama didakwa menyebabkan kematian Zulfarhan, lima di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan (membunuh) dan seorang di bawah tuduhan bersubahat. Perbicaraan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bermula pada 29 Januari 2018 dengan saksi perubatan, rakan, dan kakitangan universiti dipanggil memberi keterangan.

Pada 2 November 2021, Mahkamah Tinggi mendapati bahawa unsur niat untuk membunuh tidak dapat dibuktikan. Oleh itu, enam tertuduh disabitkan di bawah Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan (culpable homicide not amounting to murder) dan dijatuhkan hukuman penjara 18 tahun. Pihak pendakwaan kemudiannya mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan, dan pada 23 Julai 2024, Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan tersebut, memutuskan bahawa enam tertuduh bersalah di bawah Seksyen 302 dan mengenakan hukuman gantung sampai mati.

Namun, keputusan Mahkamah Rayuan tidak berakhir di situ. Enam tertuduh membawa rayuan ke Mahkamah Persekutuan. Pada 28 Februari 2025, Mahkamah Persekutuan membatalkan sabitan pembunuhan dan mengembalikan sabitan Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 304(a), mengekalkan hukuman penjara 18 tahun kerana pihak pendakwaan gagal membuktikan niat membunuh tersebut.

Kes ini menekankan beberapa isu penting. Pertama, ia menunjukkan bahawa penderaan fizikal dan psikologi masih boleh berlaku dalam institusi pengajian yang sepatutnya selamat. Kedua, proses undang-undang yang panjang dan kompleks menggambarkan cabaran dalam menyeimbangkan bukti perubatan, keterangan saksi, dan undang-undang dalam menentukan sabitan jenayah berat. Ketiga, perubahan hukuman daripada 18 tahun penjara kepada hukuman mati dan kembali ke 18 tahun menunjukkan betapa rumitnya pembuktian niat dalam kes kematian akibat penderaan.

Kes Zulfarhan menyerlahkan keperluan untuk mekanisme pencegahan penderaan yang lebih efektif di institusi pendidikan dan perlindungan undang-undang yang tegas bagi pelajar. Ia juga mengingatkan masyarakat bahawa institusi pendidikan harus menjadi ruang selamat bagi pembelajaran dan pembangunan peribadi, bukannya tempat berlakunya penyalahgunaan kuasa dan kekerasan fizikal.

Secara khusus, dalam rekod Mahkamah Syariah Malaysia, tiada kes yang dilaporkan yang secara jelas menyatakan bahawa tertuduh telah diseksa semasa siasatan atau bahawa pengakuan diperoleh melalui penderaan fizikal, seperti dalam kes sivil *Kugan Ananthan*. Walau bagaimanapun, prinsip perundangan dan keputusan kes Syariah, sama ada di Malaysia maupun di dunia Islam, menekankan bahawa pengakuan yang diperoleh melalui paksaan atau penyeksaan adalah tidak sah dan batal. Ketiadaan kes penyeksaan dalam Mahkamah Syariah Malaysia dapat dijelaskan kerana kuasa pegawai penguat kuasa agama tertakluk kepada undang-undang dan tatacara yang jelas, antaranya Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560] yang menetapkan prosedur siasatan dan pendakwaan, serta Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] yang mengatur penerimaan bukti, termasuk pengakuan, dengan syarat ia dibuat secara sukarela dan bebas tekanan.

Di peringkat negeri, prinsip yang sama diperuntukkan melalui Enakmen Tatacara Jenayah Syariah seperti di Selangor, Melaka dan Perak, yang menetapkan garis panduan formal siasatan Syariah, serta Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri yang menekankan kesahan bukti dan pengakuan tanpa tekanan (Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Selangor 2003). Peruntukan ini menunjukkan bahawa seksaan untuk tujuan penyiasatan tidak diiktiraf dan tidak dibenarkan dalam kerangka undang-undang Syariah Malaysia.

Prinsip ini juga ditegaskan melalui amalan kehakiman Mahkamah Syariah Malaysia, antaranya dalam kes *Roslan bin Mat Taib v Pendakwa Syar'i* (2008) dan *Zainon bt Hj. Mat Noor v Pendakwa Syar'i* (2004), yang menegaskan bahawa sesuatu pengakuan hanya diterima sebagai keterangan yang sah apabila dibuat secara bebas tanpa sebarang unsur paksaan atau tekanan (Raihanah Abdullah, 2009). Dalam konteks dunia Islam pula, kes 'Abd al-Rahman al-Nufay'i di Arab Saudi serta amalan kehakiman di Morocco dan Mesir menunjukkan pendirian mahkamah Syariah yang konsisten menolak pengakuan yang diperoleh melalui penyeksaan atau bentuk paksaan lain (Kamali, 2008).

Secara umumnya, kerangka perundangan Syariah di Malaysia yang merangkumi Akta 560, Akta 561 serta pelbagai enakmen negeri berkaitan tatacara dan keterangan telah menggariskan bahawa proses siasatan hendaklah dilaksanakan menurut prinsip keadilan, manakala penerimaan keterangan termasuk pengakuan mestilah dibuat tanpa sebarang unsur paksaan. Apabila kerangka perundangan ini digabungkan dengan pendirian kehakiman Syariah yang menolak pengakuan yang diperoleh di bawah tekanan, ia menunjukkan bahawa penggunaan seksaan bagi tujuan siasatan bukan sahaja tidak diiktiraf secara formal dalam sistem Syariah Malaysia, bahkan ditegah secara jelas dari sudut prinsip dan prosedur undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

6.0 Cadangan dan Alternatif Syariah dalam Mengurus Isu Penyeksaan Ketika Siasatan

1. Merangka Garis Panduan Siasatan Islamik Berasaskan Prinsip Hak Asasi Syarak

Cadangan pertama menekankan keperluan membangunkan garis panduan siasatan yang benar-benar berpaksikan prinsip syariah. Dalam Islam, penyiasatan jenayah hanya dibenarkan jika bertujuan

menegakkan kebenaran dan melindungi masyarakat, bukan untuk menzalimi atau menjatuhkan maruah individu. Oleh itu, prosedur penyiasatan hendaklah dibina atas asas *karāmah insāniyyah* (kemuliaan manusia), *al-‘adl* (keadilan), dan larangan kezaliman.

Melalui garis panduan Islamik, setiap pegawai penyiasat perlu mengetahui dengan jelas batasan hukum ketika menyoal siasat—termasuk larangan memukul, melaknat, mengugut, menekan mental, memaksa pengakuan atau menggunakan apa-apa bentuk tekanan yang merosakkan keupayaan seseorang memberikan jawapan secara bebas. Firman Allah menjelaskan bahawa manusia dimuliakan dan tidak boleh dihina secara tidak sah. (Al-isra’, 17:70)

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوُجُوهِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; Kami angkut mereka di darat dan di laut; Kami kurniakan kepada mereka rezeki daripada perkara-perkara yang baik, dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang nyata berbanding banyak makhluk lain yang Kami ciptakan.”

Selain itu, garis panduan ini perlu menetapkan standard prosedur operasi (SOP) seperti keperluan rakaman video soal siasat, kehadiran pegawai pemantau, serta larangan menahan suspek dalam keadaan tidak selamat atau tidak sihat. Untuk memastikan ketetapan ini sah dan berautoriti, pihak seperti Jabatan Kehakiman Syariah, Majlis Fatwa Kebangsaan, Jawatankuasa Undang-Undang Syariah Negeri, serta Majma’ al-Fiqh al-Islami boleh bekerjasama merangka dokumen tersebut.

2. Menggunakan Bukti Saintifik dan Forensik Sebagai Alternatif kepada Pengakuan Paksa

Cadangan kedua adalah memperkukuh penggunaan bukti saintifik dan forensik sebagai alternatif utama kepada pengakuan paksa. Dalam banyak sistem kehakiman konvensional, tekanan ke atas pegawai penyiasat untuk mendapatkan “pengakuan” menyebabkan mereka cenderung mengambil jalan pintas seperti intimidasi atau kekerasan. Namun dalam syariah, pengakuan tidak dianggap sah jika diperoleh melalui paksaan.

Oleh itu, siasatan perlu beralih kepada penggunaan bukti saintifik seperti analisis DNA, cap jari, rakaman kamera litar tertutup (CCTV), rekod digital, data telefon, laporan bedah siasat, serta bukti balistik atau kimia. Kaedah forensik moden ini lebih boleh dipercayai dan menepati semangat *bayyinah* yang ditekankan dalam hukum Islam iaitu bukti yang jelas, objektif dan tidak dipengaruhi emosi.

Dengan memperluas penggunaan kaedah saintifik, sistem siasatan dapat mengurangkan risiko manipulasi pengakuan, seterusnya memastikan tiada paksaan digunakan terhadap suspek. Pendekatan ini juga menyokong maqasid al-shariah dalam menjaga keadilan dan mengelakkan kezaliman. Malah, penguatan bukti saintifik membantu memastikan bahawa pihak yang benar-benar bersalah sahaja dipertanggungjawabkan, dan bukan individu yang ditekan untuk mengaku.

3. Meningkatkan Latihan Etika Islamik dan Profesionalisme Pegawai Penyiasat

Cadangan ketiga menggariskan pentingnya melaksanakan latihan etika Islamik secara berterusan kepada semua pegawai penyiasat dan penguat kuasa undang-undang. Latihan teknikal semata-mata tidak memadai jika pegawai tidak memahami nilai akhlak dan prinsip syariah yang mengawal kuasa mereka.

Latihan perlu merangkumi modul seperti amanah (*amanah*), integriti (*istiqāmah*), ihsan, larangan kezaliman, serta prinsip keadilan. Hal ini selaras dengan firman Allah yang memerintahkan agar amanah disampaikan kepada pemiliknya, dan apabila menghukum, hendaklah dengan keadilan. (Surah Al-Nisa, 4:58)

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya; dan apabila kamu menghukum antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil. Alangkah mulianya perintah Allah kepadamu! Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, Maha Melihat.”

Pegawai yang memahami tanggungjawab amanah akan berhati-hati supaya tidak bertindak melampaui batasan hak asasi syariah. Selain nilai akhlak, pegawai juga perlu diperkenalkan kepada Maqasid al-Shariah sebagai kerangka menilai tindakan profesional mereka. Apabila penyiasat memahami bahawa setiap tindakan mereka memberi kesan kepada maruah, keselamatan dan keadilan seorang individu, mereka akan lebih berhati-hati dalam mengambil keputusan.

Latihan berterusan ini turut membantu membina budaya kerja yang profesional, berdisiplin, serta mematuhi undang-undang dan etika syariah. Ia juga dapat mengurangkan risiko salah laku, meningkatkan integriti, dan membina keyakinan masyarakat terhadap institusi penyiasatan Islam.

4. Menubuhkan Badan Pemantau Bebas bagi Menjamin Hak Tertuduh

Cadangan keempat ialah menubuhkan sebuah badan pemantau bebas yang berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang dalam proses penyiasatan jenayah. Badan ini bertujuan memastikan setiap tatacara siasatan dijalankan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang betul, melindungi hak-hak suspek, dan menghalang sebarang bentuk penyeksaan atau tekanan mental ketika soal siasat. Konsep ini sejajar dengan prinsip *hisbah* dalam tradisi pentadbiran Islam, di mana institusi ini bertindak menegur, memberi nasihat, dan memastikan keadilan dilaksanakan sambil mencegah penyalahgunaan kuasa.

Melalui kewujudan badan pemantau yang bebas, setiap aduan berkaitan penyeksaan atau salah laku pegawai penyiasat dapat disiasat dengan telus dan objektif. Badan ini bukan sekadar memeriksa rakaman soal siasat atau keadaan lokap, malah turut memberi laporan tahunan mengenai tahap pematuhan hak syariah dan menasihati institusi penguat kuasa tentang penambahbaikan prosedur yang diperlukan. Dengan cara ini, integriti keseluruhan proses penyiasatan dapat diperkukuh, risiko kezaliman diminimumkan, dan keyakinan masyarakat terhadap sistem keadilan Islam turut terjamin.

Secara keseluruhan, penubuhan badan pemantau bebas ini bukan sahaja melindungi hak tertuduh, tetapi juga mengukuhkan prinsip syariah yang menekankan keadilan, menghalang sebarang bentuk kezaliman, dan memastikan sistem kehakiman berjalan dengan penuh amanah dan bertanggungjawab.

Kesimpulan dan Cadangan penambahbaikan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan seksaan dalam proses siasatan bukan sahaja tidak selaras dengan ajaran Islam, malah bertentangan dengan ruh keadilan dan kemanusiaan yang menjadi asas syariah. Islam menegakkan prinsip bahawa setiap manusia memiliki maruah yang mesti dijaga, dan tidak ada justifikasi yang membenarkan seseorang dipaksa, ditekan atau dicerderakan hanya kerana mahu mendapatkan maklumat atau pengakuan.

Melalui analisis dalil, pandangan ulama dan kajian kes, jelas bahawa penyeksaan dalam siasatan bukan sahaja boleh membawa kepada ketidakadilan, tetapi turut merosakkan integriti keseluruhan sistem kehakiman. Kes-kes seperti Kugan, Balamurugan, dan Fadzin mengingatkan kita bahawa penderaan atau kecuaiian bukan sekadar kesalahan prosedur tetapi ia melibatkan nyawa manusia yang seharusnya dilindungi.

Dalam Islam, kebenaran tidak boleh ditegakkan dengan kezaliman. Pengakuan yang dipaksa tidak sah, dan pendekatan siasatan yang melampaui batas hanya membuka ruang kepada penganiayaan. Oleh itu, kajian ini menekankan bahawa sistem siasatan perlu dibina atas nilai rahmah, amanah, serta keadilan yang tulus dan selaras dengan maqasid al-shariah yang menjaga nyawa, maruah dan kesejahteraan manusia.

Cadangan yang dikemukakan seperti membangunkan garis panduan siasatan berasaskan syariah, memperkukuh penggunaan bukti saintifik, memberikan latihan etika kepada pegawai penyiasat, serta

mewujudkan badan pemantau bebas adalah langkah penting untuk memastikan tidak ada lagi tahanan yang dizalimi atas nama siasatan.

Akhirnya, mesej besar kajian ini adalah jelas: keadilan tidak boleh dicapai dengan cara yang zalim. Islam telah menyediakan kerangka yang sangat lengkap untuk memastikan siasatan yang adil, manusiawi, dan bebas daripada penindasan. Sistem siasatan yang berpaksikan syariah bukan sahaja melindungi suspek, tetapi juga memelihara maruah institusi keadilan itu sendiri.

This study examines the use of torture in the investigative process to obtain confessions or information from criminal suspects from the perspective of Islamic Criminal Law, highlighting its significance in light of the tendency within some modern investigative systems to employ physical or psychological pressure to expedite information gathering. The study analyzes the justifications, impacts, and limitations of such practices based on Shariah principles that emphasize justice, mercy and the preservation of human dignity, through a detailed examination of textual evidence, the views of Muslim jurists and a comparison of opinions among the various schools of Islamic law. It underscores that any form of torture as an investigative method is rejected in Islam because it contradicts the objectives of Shariah (*al-Maqasid al-Shariah*) and the principle of justice, affirms that confessions obtained through coercion are invalid and stresses that investigative methods must be grounded in compassion, ethical conduct, and respect for humanity. The study further proposes that Shariah-based investigative approaches should be prioritized through professional training, judicial oversight and strict legislation to ensure that the fundamental rights of the accused are protected throughout the investigation process

Kajian ini meneliti pendekatan penggunaan seksaan dalam proses siasatan bagi tujuan mendapatkan pengakuan atau maklumat daripada suspek jenayah menurut perspektif Undang-undang Jenayah Islam. Isu ini penting kerana terdapat kecenderungan dalam sesetengah sistem siasatan moden yang menggunakan tekanan fizikal atau mental untuk mempercepatkan proses mendapatkan maklumat. Kajian ini memberi tumpuan kepada analisis pendekatan tersebut dengan menilai justifikasi, kesan, serta batasannya berdasarkan prinsip-prinsip syariah yang menekankan keadilan, rahmah, dan pemeliharaan maruah manusia. Kajian ini dijalankan dengan meneliti dalil dan pandangan fuqaha secara terperinci, membandingkan pendapat antara mazhab, serta menilai pendekatan tersebut berdasarkan prinsip dan nilai Islam. Kajian ini penting bagi mengetengahkan bahawa sebarang bentuk seksaan sebagai pendekatan siasatan ditolak dalam Islam kerana bertentangan dengan *maqasid al-shariah* dan prinsip keadilan. Islam menegaskan bahawa pengakuan yang diperoleh melalui paksaan adalah tidak sah, dan kaedah penyiasatan perlu berteraskan ihsan serta etika kemanusiaan. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan siasatan berasaskan prinsip syariah diutamakan melalui latihan profesional, pengawasan kehakiman, dan perundangan yang tegas bagi memastikan hak asasi tertuduh terpelihara semasa proses siasatan berlangsung.

Rujukan

Al-Qur'ān al-Karīm.

Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560].

Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561].

Al-Alwani, T. J. (2006). *Judiciary and rights of the accused in Islamic criminal law*. Asian-African Legal Consultative Organization (AALCO).

Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and secularism*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

- Al-Basanti, A. N., Khairunnisa, F., Rahim, F. N., Ar Rasyid, F., & Najmudin, D. (2023). Analisis sanksi terhadap pelaku jarimah penganiayaan berencana dalam perspektif hukum pidana Islam. *Mandub: Jurnal Politik, Sosial, Hukum dan Humaniora*, 2(1), 39–55. <https://doi.org/10.59059/mandub.v2i1.854>
- Al-Bukhari. (n.d.). *Oppressions (Kitab al-Mazalim)*, Hadith no. 2447. Sunnah.com. <https://sunnah.com/bukhari:2447>
- Alizadeh, Y., & Nouri, S. (2023). Criminalization of torture in Islamic legal sources with emphasis on the four Shi'a evidences. *Comparative Studies in Jurisprudence, Law, and Politics*. <https://doi.org/10.61838/csjpg.5.4.1>
- Al-Nawawi, A. Z. M. Y. b. S. (n.d.). *Rawḍat al-ṭālibīn wa 'umdat al-muftīn* (Vol. 8, p. 58).
- Amnesty Malaysia. (2017, February 15). *End impunity for unlawful deaths in custody*. <https://www.amnesty.my>
- Bahnasy, A. F. (1969). *Al-siyāsah al-jinā'īyah fī al-sharī'ah al-islāmiyyah*. Maktabah 'Ammār.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003.
- Fereshtian, H. (2025). Prohibition and permissibility of torture in jurisprudence and law. *Peace-Mark*. <https://www.peace-mark.org/en/articles/52-9-en/>
- Galang, H., & Amnesty International. (2014, August 15). Amnesty lauds Court of Appeal ruling on Kugan. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com>
- Ibn Ḥazm, 'A. M. 'A. b. A. b. S. al-Andalusī. (456H). *Al-Muḥallā bi al-āthār* (Vol. 7, p. 203).
- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah law: An introduction*. Oneworld Publications.
- Lange, C. (2020). Torture and public executions in the Islamic Middle Period (eleventh–fifteenth centuries). In *Islamic punishment in medieval history* (pp. 164–184). Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/9781316661291.009>
- Mail, M. (2024, May 20). Death in custody: Penang High Court awards RM197,600 compensation to family of detainee. *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com>
- Muhammadin, F., Wicaksono, D., Sari, A., & Ayutama, O. (2018). Lashing in Qanun Aceh and the Convention Against Torture: A critical appraisal. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(1). <https://doi.org/10.33102/mjsl.v7i1.173>
- Oxford Dictionaries. (2017). *Religion*. <https://en.oxforddictionaries.com/definition/religion>
- Radzivill, A. (2020). Criminal legal definition of the concept of torture and differential distinction of torture from related crimes. *Public Administration and Law Review*. <https://doi.org/10.36690/2674-5216-2020-4-64>
- Raihanah Abdullah. (2009). Pembuktian jenayah syariah di Malaysia: Isu dan cabaran. *Jurnal Syariah*, 17(2), 1–20.

- Ramyeea Janani. (2024, July 23). Death of a navy cadet: A chronology of events. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2024/07/1080651/death-navy-cadet-chronology-events>
- Shamsuddin, N. (2025, February 28). Kematian Zulfarhan: Enam penuntut UPNM dijej 18 tahun dalam rayuan akhir. *Kosmo Digital*. <https://www.kosmo.com.my/2025/02/28/kematian-zulfarhan-enam-penuntut-upnm-dijel-18-tahun-dalam-rayuan-akhir>
- Taymiyyah, A. (2004). *Majmū' al-fatāwā* (Vol. 28, p. 146). Majma' al-Malik Fahd. (Original work published 1425H)